



## PENGUMUMAN

### **PENGEMASKINIAN KEPERLUAN *CONTINUING PROFESSIONAL EDUCATION (CPE)* BAGI PEMBAHARUAN LESEN SETIAUSAHA SYARIKAT (LS)**

Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**) telah bersetuju untuk mengiktiraf 60 mata *Continuing Professional Education (CPE)* bagi latihan dalam talian semasa dalam tempoh sah lesen.

Berdasarkan syarat baharu ini, maka mata CPE yang ditetapkan boleh dikumpul sama ada dengan menghadiri latihan secara fizikal dan/atau secara dalam talian tanpa pecahan pembahagian mata CPE di antara kedua-dua kaedah pembelajaran tersebut.

Manakala syarat sedia ada berhubung keperluan CPE bagi pembaharuan Lesen Setiausaha Syarikat (**LS**) di bawah seksyen 20G Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 masih lagi terpakai seperti berikut:

- Setiausaha dikehendaki mengumpul sekurang-kurangnya 60 mata CPE dalam tempoh sah lesen selama tiga (3) tahun.
- Mata CPE boleh dikumpul dengan menghadiri latihan anjuran SSM dan/atau organisasi lain mengikut pecahan peratusan seperti berikut:
  - ✓ **Minima 40% atau 24 mata CPE** dengan menghadiri latihan anjuran SSM atau anjuran bersama SSM dengan organisasi luar; dan

- ✓ **Maksimum 60% atau 36 mata CPE** dengan menghadiri latihan anjuran badan professional yang diiktiraf, lain-lain organisasi atau pembekal latihan.
- Maksimum 20 mata CPE boleh dibawa ke hadapan (*carry forward*) untuk pembaharuan lesen berikutnya.
- Semua jenis atau kategori latihan dalam talian boleh diambilkira sebagai mata CPE iaitu termasuk webinars dan *e-learning*.
- Setiausaha perlu mematuhi jenis latihan sepetimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan Berhubung Keperluan Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) Untuk Pembaharuan Lesen Setiausaha Syarikat.

Terima kasih.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia  
Tarikh : 10 Disember 2020